

AKHBAR : SELANGOR KINI

TARIKH : 10 – 17 MAC 2017

KERATAN AKHBAR

Rencana

14 | Selangor Kini 10 - 17 Mac 2017

Kebajikan tanpa sempadan

Maju sektor perikanan

OLEH ERMIZI MUHAMAD

Dasar kebajikan meliputi aspek pembangunan bandar dan desa ke arah memastikan rakyat menikmati hasil kekayaan negeri secara adil terus konsisten dilaksanakan pentadbiran Kerajaan Selangor.

Membatasi agenda perbezaan peganan politik, usaha itu diazahirkan secara konsisten membabitkan penyertaan masyarakat di seluruh negeri.

Menyadari hakikat rakyat Selangor terus dibebani pelbagai dasar kurang kebajikan di peringkat Persekutuan, Kerajaan Negeri tampil melaksanakan inisiatif membantu keperluan rakyat tanpa sempadan.

Usaha berkenaan tidak terkecuali membabitkan keperluan warga desa, khususnya penggiat industri perikanan negeri dan nelayan persisir pantai diusahakan pentadbiran Pakatan, sejak 2008.

Dasar menguntungkan rakyat

Mendepani cabaran sedia ada, pentadbiran negeri di bawah pimpinan Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali agresif merencanakan lagi agenda pembangunan industri perikanan dengan memperkenalkan pelbagai dasar baru.

Komitmen itu pernah disuarakan Mohamed Azmin berhubung keprihatinan Kerajaan Negeri terhadap peningkatan kos sara hidup yang mendorong inisiatif mesra rakyat diwujudkan membabitkan golongan terbahit.

"Untuk meringankan beban kos sara hidup dalam kalangan rakyat majmuk dan berbilang kaum, pelbagai program bantuan dirangka serta diterjemahkan kepada rakyat.

"Kerajaan Negeri komited menyuntik dinamisme ekonomi, sosial dan infrastruktur serta merevolusikan pembangunan desa juga luar bandar.



"Bagi tujuan ini, Kerajaan Negeri mencadangkan RM5.65 juta diperuntukkan untuk program pembangunan ekonomi nelayan, petani dan penternak," katanya.

Mohamed Azmin berkata, inisiatif terbabit dijalankan sebagai dorongan meningkatkan kemahiran golongan nelayan dengan memanfaatkan dan menggunakan teknologi berinovasi.

Jana ekonomi nelayan

Lanjutan daripada liltzam itu, pendekatan diambil termasuk meluluskan tapak cadangan pusat pengumpulan ikan Bagin Sekinchan.

Dato' Menteri Besar berkata, proses kelulusan dibuat selepas merujuk kepada beberapa siri permohonan nelayan Sekinchan bagi mendapatkan tapak baru.

"Keadaan dan fasiliti tapak pengumpulan ikan lama sudah tidak boleh menampung kepadatan serta keadaannya yang cukup uzur.

"Justeru, atas kepentingan dan fokus kebajikan rakyat, Kerajaan Negeri bersetuju meluluskan permohonan ini untuk membina pusat baru bagi menjana pendapatan nelayan serta kuasa ekonomi golongan nelayan di Selangor," katanya.

Proses kelulusan itu diambil kira selepas merujuk tuntutan menjalankan kajian mengikut kesesuaian pembangunan

Kerajaan Negeri komited menyuntik dinamisme ekonomi, sosial dan infrastruktur serta merevolusikan pembangunan desa juga luar bandar

tapak baru demi kepentingan masyarakat setempat.

Cadangan tapak baru terletak di bahagian Petak 183 di Jalan Bagin Sekinchan dekat Jalan JPT Pekan Sekinchan yang menjadi penghubung sebagai sebahagian kawasan Rizab Melayu Tanjung Karang.

Sebelum ini, permohonan pewartan tapak Pusat Pengumpulan Ikan terbabit diluluskan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (MMKN) di bawah penyalenggaraan Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB).

Bagaimanapun, keputusan positif dibuat di peringkat negeri memberi manfaat jangka panjang, sekali gus disambut baik golongan nelayan setempat.

Tiada caj daftar jeti

Lebih bermanfaat, pendekatan kebajikan turut dilaksanakan menerusi bantuan insentif pengecualian caj pendaftaran jeti sebanyak RM600.

Walaupun sebelumnya timbul dakwaan sesetengah pihak berhubung isu terbabit, Kerajaan Negeri tegas menaikkannya, malahan pendirian itu diteruskan sepanjang 2017.

Perkara itu turut diakui, Exco Infrastruktur, Kemudahan Awam dan Industri Asas Tani, Zaidy Abdul Talib yang sebutat suara menolak cadangan LUAS men-



LEMBAGA URUS AIR SELANGOR
(UNIT KORPORAT)

Rencana

SelangorKini 10 - 17 Mac 2017 | 15



genakan kadar terbabit.
"Kerajaan Negeri sudah meminta LUAS menyamak semula cadangan itu dan dikaji supaya ia tidak membebankan penggiat industri khususnya nelayan pesisir pantai seluruh negeri.
"Akhirnya, Kerajaan Negeri bersama LUAS sependapat membuat keputusan untuk tidak melaksanakannya," katanya.
Walaupun keperluan mengenakan caj berkenaan bagi menyelenggara 1,350 jeti seluruh negeri pernah diusulkan, namun katanya, pendirian tegas diambil di peringkat negeri menyaksikan golongan nelayan seluruh negeri kini boleh menarik nafas lega.
Bellau berkata, hasil banciaan dijalankan pentadbiran negeri mendapati keperluan untuk mengenakan kadar pendaftaran itu lebih menekan jurang ekonomi keperluan penggiat industri perikanan seluruh negeri.

Bangun infrastruktur nelayan

Tidak terhenti setakat itu, komitmen berkebijakan terus dilaksanakan meliputi pembangunan semula kemudahan infrastruktur dan jeti nelayan seluruh negeri.
Teras utama kepedulian itu turut dibuktikan menerusi perbelanjaan menjurus kepada pembangunan infrastruktur dan fasiliti melalui peruntukan RM2.3 juta.
Daripada jumlah itu, Kerajaan Negeri optimis dapat membantu 7,395 nelayan yang mendaftar sebagai Persatuan Ne-

Teras utama kepedulian itu turut dibuktikan menerusi perbelanjaan menjurus kepada pembangunan infrastruktur dan fasiliti melalui peruntukan RM2.3 juta

layan mengikut daerah masing-masing di seluruh negeri.

Agihan turut dilaksanakan menerusi penyediaan bantuan berbentuk peralatan menangkap ikan kepada nelayan serta peralatan dan makanan ternakan ikan bagi usahawan akuakultur di Selangor, tahun ini.

Pada tahun ini juga dianggarkan sekurang-kurangnya 500 penerima bakal memperoleh manfaat daripada pelaksanaan program terbabit.

Selebihnya, bantuan *global positioning system* (GPS) atau sistem kedudukan sejagat bakal diagihkan kepada nelayan berkelayakan.

Zaidy berkata, pelaksanaannya membabitkan RM995,000 dengan tumpuan pembangunan kebijakan terus giat dilaksanakan.

"Kalau dulu, bantuan nelayan ini berbentuk bot dan enjin dengan jumlah sangat besar hingga menyebabkan timbulnya runtuhan serta ketidakpuasan hati jika ada



antara mereka yang tidak dapat.

"Justeru, atas dasar peduli rakyat diajarkan Kerajaan Negeri, kita laksanakan bantuan secara adil kepada semua nelayan menerusi bantuan GPS, pukat, jaring dan peralatan sampingan lain.

"Sehingga kini, Kerajaan Negeri menerima respon positif nelayan selepas bantuan ini disalurkan kepada mereka," katanya.

Katanya, inisiatif itu sudah dipraktikkan dengan perolehan hasil lebih tinggi, sekali gus mampu menajana lebih pendapatan golongan terbabit.

"Pendekatan baru kita laksanakan ini banyak mendapat pujian daripada penerima kerana ramai di antara mereka mendapat manfaat.

"Sama seperti bantuan GPS bernilai antara RM1,000 ke RM2,000 yang diberikan ini ekoran ramai nelayan memerlukan dan ingin menggunakan tetapi tidak mampu, jadi mereka sangat berterima kasih," katanya.

Bantuan dihargai

Menerima maklum balas positif, bantuan itu disambut baik golongan nelayan yang menganggapnya sebagai durian runtuh bagi menajana lebih hasil tangkapan.

Antaranya, nelayan dari Tanjung Sepat, Chia Siew Hong, 60, berkata peralatan itu memudahkan kerja penangkapan ikan selain menjimatkan masa.

"Alat GPS ini memang berguna untuk nelayan kerana kita boleh mengesan lokasi tertentu menangkap ikan.

"Terima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana membantu dalam usaha ini," katanya.

Nelayan dari Teluk Penglima Garang,

Justeru, atas kepentingan dan fokus kebajikan rakyat, Kerajaan Negeri bersetuju meluluskan permohonan ini untuk membina pusat baru bagi menajana pendapatan nelayan serta kuasa ekonomi golongan nelayan di Selangor

Abu Zarin Abu Hashim, 69, berkata penyerahan alat GPS berkenaan memang tepat pada masanya kerana nelayan memerlukan kemudahan seperti itu.

"Kita perlu gunakan teknologi baru seperti ini bagi memudahkan kerja dan meningkatkan hasil tangkapan.

"Bantuan ini tentu memberi banyak kebaikan kepada nelayan seperti kami yang ada antaranya kurang mampu untuk memilikinya," katanya.

Hasil kejayaan berterusan dan komitmen tinggi Kerajaan Negeri meliputi aspek kepedulian rakyat jelas membuktikan pentadbiran negeri kini diyakini mampu menjadi model petadbiran jangka panjang.

Ia sewajarnya dicontohi di peringkat Persekutuan sebagai penggerak untuk mencorak kegemilangan pentadbiran dengan lebih cemerlang dalam segenap aspek.



UNIT KORPORAT

TINGKAT 13, BANGUNAN DARUL EHSAN,
NO.3, JALAN INDAH, SEKSYEN 14, 40000 SHAH ALAM
TELEFON:03-55111800 / FAX:03-55101800